



Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences

Journal homepage:
<https://karyailham.com.my/index.php/jarsbs/index>
ISSN: 2462-1951



Pondok Warga Emas; Tinjauan Pengalaman Penghuni Berdasarkan Ciri-Ciri Utama Komuniti Persaraan di Malaysia

Senior Citizens' Shelters; A Survey of Residents' Experiences Based on Key Characteristics of Retirement Communities in Malaysia

Mashitah Abdul Mutalib^{1,*}, Intan Nadia Ghulam Khan¹, Nur Aina Abdulah¹, Farhana Mohamad Suhaimi¹, Dina Imam Supaat¹, Fadhlina Alias¹, Warlan Sukandar²

¹ Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

² Fakultas Ilmu Pendidikan, Universitas Adzka, Kecamatan Kuranji, Kota Padang, Propinsi Sumatera Barat, Indonesia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 10 July 2025

Received in revised form 14 August 2025

Accepted 29 September 2025

Available online 17 October 2025

ABSTRACT

Kajian ini bertujuan untuk meneliti pengalaman penghuni pondok warga emas (PWE) di Malaysia berdasarkan lima ciri utama komuniti persaraan, iaitu keperluan asas, agenda kelestarian, lokasi strategik, kebolehmampuan, dan aktiviti sosial untuk penuaan aktif. Walaupun PWE memberi banyak manfaat kepada penghuninya, namun ketiadaan undang-undang khusus menyebabkan kelestarian PWE dan kesejahteraan penghuninya tidak terjamin. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kajian lapangan dijalankan di tiga PWE iaitu Yayasan Al-Jenderami, Madrasah Ibnu Mas'ud, dan Pusat Pengajian Darul Widad. Data dikumpul melalui temu bual separa berstruktur bersama penghuni, analisis dokumen dan seterusnya data dianalisis secara tematik. Hasil kajian mendapati keperluan asas warga emas seperti penginapan dan makan minum adalah memuaskan, namun aspek fasiliti mesra usia masih memerlukan penambahbaikan. Dari sudut kelestarian, PWE berjaya menyediakan sokongan sosial dan rohani, tetapi model pembiayaan ekonomi jangka panjang masih perlu diperkasa, selain cabaran alam sekitar seperti banjir. Faktor lokasi strategik turut dikenal pasti sebagai daya tarikan, khususnya apabila pondok berhampiran dengan anak-anak penghuni dan menawarkan suasana tenang. Dari segi kebolehmampuan, yuran bulanan dianggap berpatutan berbanding kos yang tinggi berbanding bayaran di sesetengah komuniti persaraan komersial. Akhirnya, penghuni berpandangan aspek penuaan aktif sangat baik melalui pelbagai aktiviti keagamaan, pengajian kitab, dan pengajian Al-Quran, namun dicadangkan peluasan kepada aktiviti rekreasi dan sosial lain. Kesimpulannya, PWE di Malaysia bukan sekadar memenuhi aspek kediaman, tetapi berpotensi menjadi model komuniti persaraan berteraskan nilai Islam yang menekankan kesejahteraan fizikal, rohani, dan sosial warga emas.

This study aims to examine the experiences of senior citizens' (PWE) residents in Malaysia based on five key characteristics of retirement communities, namely

* Corresponding author.

E-mail address: mashitahmutalib@usim.edu.my

<https://doi.org/10.37934/arsbs.40.1.114128>

Keywords:

komuniti persaraan; keperluan asas; penuaan aktif; pondok warga emas

retirement community; basic needs; active aging; senior citizen cottage

basic needs, sustainability agenda, strategic location, affordability, and social activities for active aging. Although PWEs provide many benefits to their residents, the absence of specific laws means that the sustainability of PWEs and the well-being of their residents are not guaranteed. This study uses a qualitative approach with field studies conducted at three PWEs, namely Yayasan Al-Jenderami, Madrasah Ibnu Mas'ud, and Pusat Pengajian Darul Widad. Data was collected through semi-structured interviews with residents, document analysis, and then the data was analyzed thematically. The study results found that the basic needs of senior citizens such as accommodation and food and drink are satisfactory, but the age-friendly facilities still need improvement. From a sustainability perspective, PWEs have succeeded in providing social and spiritual support, but the long-term economic financing model still needs to be strengthened, in addition to environmental challenges such as flooding. Strategic location factors were also identified as attractive, especially when the pondok is close to the residents' children and offers a calm atmosphere. In terms of affordability, the monthly fees are considered reasonable compared to the high costs of some commercial retirement communities. Finally, residents view the active aging aspect as very good through various religious activities, scripture study, and Quranic study, but it is suggested that it be expanded to other recreational and social activities. In conclusion, PWE in Malaysia does not just fulfill the residential aspect, but has the potential to become a model retirement community based on Islamic values that emphasizes the physical, spiritual, and social well-being of seniors.

1. Pendahuluan

Menurut Buku utama Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026–2030, Malaysia diunjurkan menjadi sebuah negara tua menjelang 2043; walau bagaimanapun, persediaan untuk menangani perubahan demografi ini masih belum menyeluruh [16]. Populasi warga emas yang semakin meningkat di Malaysia ini membawa pelbagai implikasi dan kesan kepada negara yang memerlukan kepada respon yang strategik [11]. Fenomena demografi ini adalah didorong oleh peningkatan jangka hayat dan penurunan kadar kesuburan di kalangan penduduk di Malaysia [11]. Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan bahawa perbelanjaan untuk warga emas meningkat setiap tahun, mencecah 2.4 bilion ringgit pada tahun 2021 berbanding 2.3 bilion ringgit pada tahun sebelumnya. Senario ini menunjukkan beban yang ditanggung kerajaan akibat penuaan penduduk, termasuk pembayaran pencen, penjagaan kesihatan dan faedah sosial bagi memenuhi keperluan warga emas di Malaysia [21]. Penjagaan warga emas juga menjadi suatu cabaran buat anak-anak yang menghadapi kesukaran disebabkan komitmen kepada keluarga sendiri dan kerjaya [13]. Oleh yang demikian, solusi perlu ada untuk memastikan kebajikan warga emas terjaga dan dalam masa yang sama warga emas dapat menikmati hidup yang sejahtera dan lebih berkualiti. Masyarakat perlu memainkan peranan untuk memastikan isu pertambahan populasi warga emas ini diuruskan dengan baik terutamanya tentang dari aspek pendidikan atau pembelajaran sepanjang hayat [15].

Antara implikasi kepada negara yang dapat dilihat ialah dari aspek penyediaan kemudahan dan perkhidmatan yang dapat memenuhi keperluan warga emas [19]. Penubuhan pondok warga emas (PWE) umpamanya adalah salah satu pendekatan yang wujud kini dalam menyediakan suatu platform yang bukan sahaja menyediakan kemudahan kediaman, malah perkhidmatan pengajian dan gaya hidup yang menggabungkan elemen pengajian agama, kebajikan sosial dan kehidupan dalam komuniti persaraan [17].

Majoriti PWE ini dibangunkan dengan usaha murni individu persendirian atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang tidak mempunyai ciri-ciri khusus yang tetap antara setiap institusi. PWE kini menjadi pilihan yang popular untuk warga emas dalam mendalami ilmu agama dalam susaan yang lebih teratur dan selesa [18]. Penubuhannya yang lebih bersifat kepada menawarkan program

keagamaan dan bimbingan rohani dilihat memenuhi permintaan dan keperluan warga emas kini yang ingin mencari suatu platform untuk mereka belajar dan beramal ibadah di usia emas. Usaha murni ini amatlah dipuji dalam menyediakan suatu alternatif kepada warga emas untuk menjalani hidup yang lebih berkualiti. Walau bagaimanapun, program pembelajaran dan pengajian bukanlah elemen tunggal yang patut dititikberatkan dalam memastikan kualiti hidup warga emas terjamin. Hal ini adalah penting untuk memastikan PWE yang membawa faedah besar kepada warga emas dapat kekal dan lestari untuk jangka masa panjang. Melalui kajian sorotan literatur secara sistematik yang dilakukan oleh Ejau et al., [5] terdapat beberapa elemen utama komuniti perasaraan lestari iaitu keperluan asas warga emas, agenda kelestarian, lokasi yang strategik, kebolehmampuan dan aktiviti sosial untuk penuaan aktif.

Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan untuk meneliti pengalaman penghuni dan menilai elemen-elemen kelestarian yang disebutkan di atas di PWE terpilih. Kajian dilakukan di tiga lokasi utama iaitu Yayasan Al-Jenderami, Madrasah Ibnu Mas'ud dan Pusat Pengajian Darul Widad.

1.1 Konsep Pondok Warga Emas di Malaysia

Sistem pengajian pondok diambil daripada Bahasa Arab iaitu 'funduq' yang bermaksud kediaman untuk jangka masa yang pendek atau sementara. Pondok-pondok ini pada asalnya lebih sinonim kepada sistem persekolahan untuk anak-anak yang berdasarkan sistem pesantren dari Sumatera Utara dan Pattani [2]. Sistem tidak formal yang pada mulanya hanya berpusat di surau dan masjid, seterusnya dikembangkan ke pondok-pondok apabila mendapat sambutan di kalangan masyarakat [7]. Kediaman untuk pelajar khususnya yang datang dari bukan tempat berdekatan menjadikan sistem pondok ini mula berkembang dan diperluaskan.

Walaupun bagaimanapun, seiring dengan pertambahan populasi warga emas dan permintaan yang meningkat, pondok warga emas mula ditubuhkan untuk memberi peluang kepada golongan ini mempelajari ilmu agama di samping melakukan aktiviti-aktiviti sosial yang lain bersama rakan seusia. Semakin ramai daripada warga emas Muslim di Malaysia, terutamanya di kalangan wanita memilih untuk tinggal di PWE untuk memenuhi keperluan rohani dan mendapat sokongan sosial pada usia tua [4-18]. Kehidupan di PWE ini dapat menjadi salah satu solusi kepada masalah kesunyian dalam kalangan warga emas yang menyebabkan kemerosotan kesihatan dan kognitif [10].

PWE di Malaysia boleh didefinisikan sebagai sebuah institusi penginapan khusus untuk warga emas yang menggabungkan pengurusan kebajikan sosial dan pendidikan agama. Ia menggabungkan konsep tradisional pondok pengajian Islam dengan keperluan golongan warga emas merangkumi aspek kesejahteraan fizikal, keselamatan, dan kesihatan.

Konsep ini bukan sekadar menyediakan kediaman, tetapi berfungsi sebagai pusat pembelajaran agama. Kebiasaannya PWE mempunyai jadual aktiviti harian yang padat merangkumi kuliah, bacaan al-Quran, zikir, dan lain-lain program kerohanian. Penubuhan PWE di Malaysia selaras dengan inisiatif dasar kerajaan seperti Dasar Warga Emas Negara yang menekankan kesejahteraan holistik warga emas melalui pendidikan, penjagaan kesihatan, dan integrasi sosial. Penekanan terhadap pembelajaran sepanjang hayat, pembinaan komuniti berteraskan nilai Islam, serta penyediaan fasiliti mesra warga emas menjadikan PWE sebagai satu model alternatif kepada institusi penjagaan warga emas sedia ada. Pendekatan ini juga membantu mengatasi masalah kesunyian, menggalakkan gaya hidup aktif, pembangunan rohani, serta memupuk rasa hormat dan kasih sayang dalam masyarakat terhadap warga emas.

1.2 Ciri-ciri Utama Komuniti Persaraan

Berpandukan sorotan literatur secara sistematik yang dilakukan oleh Ejau [5], komuniti persaraan yang ideal perlu dirangka dengan menitikberatkan keperluan asas warga emas. Aspek ini merangkumi penyediaan kemudahan mesra warga emas yang memastikan keselamatan dan keselesaan harian mereka. Keperluan asas ini haruslah sesuai dengan keperluan khas warga emas yang mungkin terbatas pergerakannya, perlukan sokongan dan fasiliti khusus untuk mereka. Namun, kekurangan dari sudut kewangan, kebatasan pengetahuan dan kemahiran berkaitan kelestarian, kekurangan staf, ketiadaan teknologi boleh menyebabkan keperluan asas yang mesra warga emas ini tidak dapat disediakan dengan baik. Selain itu, garis panduan yang tidak konsisten juga boleh menyumbang kepada kekurangan dari aspek ini [5].

Selain itu, agenda kelestarian turut memainkan peranan penting dengan menekankan keseimbangan antara kelestarian alam sekitar, ekonomi, dan sosial, bagi menjamin kesejahteraan jangka panjang komuniti tersebut. Lokasi strategik juga menjadi ciri utama, kerana kedudukan komuniti yang tidak terlalu jauh dari anak-anak atau saudara mara akan membantu mengekalkan hubungan kekeluargaan dan menyokong aspek emosi warga emas.

Di samping itu, kebolehmampuan dari segi kos merupakan faktor kritikal dalam menjamin keterangkuman dan aksesibiliti kepada pelbagai lapisan masyarakat. Struktur yuran seperti bayaran masuk dan yuran bulanan perlu berpatutan dengan perkhidmatan yang ditawarkan agar tidak membebankan warga emas atau keluarga mereka. Seterusnya, aktiviti sosial untuk penuaan aktif menjadi elemen penting dalam mewujudkan gaya hidup yang sihat, cergas, dan bermakna. Aktiviti pembelajaran sepanjang hayat diperlukan oleh warga emas dan ilmu ini bukan sahaja hanya dipelajari dalam kelas, malahan dalam pengukuhan kognitif mereka, ilmu tersebut perlu digunakan dan diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Hal ini memerlukan kepada cara berfikir yang kritis terutamanya dalam menghadapi cabaran penuaan [15]. Selain itu, penganjuran aktiviti rekreasi, riadah dan kerohanian bukan sahaja menyokong kesihatan fizikal, tetapi juga membantu membina rangkaian sosial yang kukuh, sekali gus meningkatkan kesejahteraan psikososial warga emas dalam komuniti persaraan. Sebagai contoh, aktiviti terapeutik hortikultur yang menyediakan ruang untuk warga emas melakukan aktiviti berasaskan alam dapat memperbaiki pola tidur dan tahap psikologi mereka [8]. Oleh itu, aktiviti yang dianjurkan di komuniti persaraan haruslah komprehensif dan inklusif tidak hanya meliputi aspek spiritual dan kerohanian, malah dari aspek Kesihatan fizikal, mental dan psikologi.

2. Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kajian lapangan yang memfokuskan kepada pengalaman penghuni pondok warga emas. Pendekatan ini dipilih bagi membolehkan penyelidik meneliti secara mendalam konteks kehidupan penghuni serta dinamika pengurusan PWE. Kajian dijalankan di tiga buah PWE di Malaysia, iaitu Yayasan Al-Jenderami, Madrasah Ibnu Mas'ud dan Pusat Pengajian Darul Widad. Ketiga-tiga lokasi dipilih kerana mempunyai sejarah operasi yang berbeza, model pengurusan unik, dan jumlah penghuni yang signifikan, sekali gus sesuai untuk mewakili variasi bentuk komuniti pondok di Malaysia. Seramai 12 orang penghuni (termasuk 1 pasangan) telah ditemubual di ketiga-tiga PWE yang dipilih. Responden dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan (purposive sampling) dengan kriteria:

- Warga emas berusia 60 tahun ke atas.
- Telah tinggal di pondok sekurang-kurangnya enam bulan.
- Bersedia berkongsi pengalaman berkaitan kehidupan di pondok.

Data dikumpul melalui kaedah temu bual separa berstruktur yang berlangsung antara 30 hingga 45 minit bersama penghuni di samping analisis dokumen berkaitan seperti garis panduan PWE. Data yang diperoleh direkodkan dan ditranskripsi. Data seterusnya dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik dengan menggunakan pembacaan berulang transkrip, pengekodan awal, pembentukan tema berdasarkan ciri-ciri utama komuniti persaraan, semakan dan pengesahan tema dan penulisan laporan dapatan. Lima tema utama berkaitan ciri-ciri komuniti persaraan yang digariskan ialah keperluan asas warga emas, lokasi, kebolehmampuan, agenda kelestarian dan aktiviti sosial untuk penuaan aktif. Proses analisis ini membolehkan penyelidik menyusun dapatan secara sistematik untuk memberikan gambaran menyeluruh mengenai keberkesanan serta potensi pembangunan konsep pondok warga emas di Malaysia. Berikut merupakan profil demografi responden:

Jadual 1

Profil Demografi Responden

Kod Responden	Jantina	Umur (Tahun)	Tempoh Tinggal	Lokasi Pondok
Puan A	Perempuan	70	17 tahun	Yayasan Al-Jenderami
Puan B	Perempuan	65	1 tahun 9 bulan	Yayasan Al-Jenderami
Puan C	Perempuan	78	13 tahun	Yayasan Al-Jenderami
Puan K	Perempuan	62	2 tahun	Pusat Pengajian Darul Widad
Puan D	Perempuan	69	6 tahun	Pusat Pengajian Darul Widad
Puan E	Perempuan	65	2 tahun	Pusat Pengajian Darul Widad
Puan F	Perempuan	67	5 tahun	Pusat Pengajian Darul Widad
Puan G	Perempuan	64	7 bulan	Pusat Pengajian Darul Widad
Pasangan H	Pasangan Suami Isteri	Suami: 61 Isteri : 60	1 tahun	Madrasah Ibnu Mas'ud
Puan I	Perempuan	65	1 tahun	Madrasah Ibnu Mas'ud
Puan J	Perempuan	62	1 tahun	Madrasah Ibnu Mas'ud

3. Keputusan dan Perbincangan

3.1 Keperluan Asas Warga Emas

Kemudahan fasiliti merupakan salah satu keperluan asas yang perlu diberi perhatian dalam memastikan kesejahteraan warga emas di pondok warga emas. Fasiliti yang disediakan bukan sahaja berfungsi untuk memenuhi keperluan harian, malah berperanan sebagai sokongan kepada keselesaan, keselamatan, dan kesihatan penghuni. Kemudahan seperti bilik tidur yang selesa, tandas mesra warga emas, ruang makan yang bersih, kawasan rekreasi, serta kemudahan ibadah adalah antara elemen penting yang menyumbang kepada kualiti hidup mereka.

Hasil dapatan temubual bersama penghuni di Yayasan Al-Jenderami, Puan A berpendapat bahawa pondok yang dihuninya menyediakan segala keperluan asas yang diperlukan:

“Keperluan asasi di sini semua ada. Nak makan, ada restoran. Kalau sakit, ada klinik. Apa yang tuan guru dah sediakan perkhidmatan sebenarnya sangat bagus. Semua penghuni kena ikut peraturanlah.”

Dari aspek penyelenggaraan fasiliti, Puan B menyatakan bahawa fasiliti diuruskan dan diselenggara dengan baik:

“Di sini ada klinik untuk penghuni yang sakit. Tetapi, kalau sakit yang teruk, mereka akan bawa ke hospital. Ada pelajar-pelajar yang banyak membantu di sini, mereka sangat menghormati kami dan bersikap tolong menolong. Kebersihan dan penyelenggaraan juga dijaga, jadi, tiada masalah. Jika kami ada aduan apa-apa, mereka cepat datang dan betulkan apa-apa kerosakan.”

Pandangan ini disokong Puan C yang menyatakan bahawa sebarang kerosakan akan dibaiki dengan segera:

“Di sini peraturannya tidak terlalu tegas sebenarnya, sesuai dengan warga emas seperti kami. Pekerja-pekerja baik semuanya, jika ada sebarang kerosakan memang akan dibetulkan dengan cepat.”

Begitu juga di Pusat Pengajian Darul Widad, kajian ini telah mengadakan sesi temubual bersama beberapa penghuni di sana mengenai keperluan asas yang disediakan oleh pihak pengurusan. Puan D dan Puan E berpendapat bahawa fasiliti dan kemudahan yang disediakan memenuhi keperluan asas mereka:

“Semuanya cukup. Fasiliti pun bagus, ruang yang selesa dan sebagainya. Makanan juga disediakan, 3 kali sehari.”

Pandangan ini disokong oleh Puan F yang menyatakan bahawa walaupun tiada kemudahan klinik disediakan dalam kawasan pondok, namun pengurusan akan menghantar penghuni yang memerlukan rawatan ke klinik yang berhampiran:

“Baik semuanya. Kalau kami sakit, mereka akan hantar ke klinik. Bantuan dan sokongan yang diberikan juga baik sahaja, kami bersyukur.”

Selanjutnya, temubual mengenai topik yang sama turut dijalankan kepada penghuni Madrasah Ibnu Mas’ud terhadap perkhidmatan yang diberikan di pondok warga emas tersebut. Pasangan H berkongsi pendapat mereka:

“Dari segi kakitangan dan tenaga pengajar, semuanya bagus. Dari segi perkhidmatan juga baik. Jika ada kerosakan kecil, kami akan betulkan sendiri atau adukan kepada pihak pengurusan.”

Puan I juga berkongsi pandangan beliau mengenai perkhidmatan yang diberikan:

“Duduk di sini semuanya diri sendiri, jadi kurang sedikitlah bantuannya. Mereka akan jaga dari segi maintenance, yang rosak dibetulkan. Tiada masalah.”

Di samping itu, mengenai topik yang sama telah diajukan kepada Puan J, beliau berkata:

“Saya berpuas hati, kalau buat aduan, terus datang, tindakannya cepat. Saya juga suka waktu cuti yang ada, supaya ada masa dengan keluarga untuk balik ke rumah.”

Hasil temubual bersama penghuni di ketiga-tiga pondok warga emas menunjukkan bahawa secara keseluruhannya fasiliti dan kemudahan asas yang disediakan adalah mencukupi serta memenuhi keperluan harian mereka. Penghuni menghargai kewujudan kemudahan seperti restoran atau penyediaan makanan, klinik atau akses kepada rawatan kesihatan, ruang kediaman yang selesa, serta sistem penyelenggaraan yang responsif terhadap aduan kerosakan. Sikap mesra, hormat dan saling membantu daripada kakitangan, pelajar dan pengurusan turut menyumbang kepada rasa selesa dalam kalangan penghuni. Secara umumnya semua penghuni berpuas hati dengan kualiti perkhidmatan, penyelenggaraan fasiliti, dan kemudahan yang disediakan, yang dianggap memadai untuk menjamin kesejahteraan hidup mereka.

Merujuk kepada Garis Panduan Perancangan Fizikal Bagi Warga Emas yang disediakan oleh PLANMalaysia, reka bentuk fasiliti perlu mengambil kira aspek mesra usia dan bebas halangan (barrier-free), termasuk pemasangan bar pemegang, lantai yang tidak licin, pencahayaan mencukupi, serta akses mudah bagi kerusi roda. Penyediaan kemudahan kesihatan asas, seperti bilik rawatan dan peralatan kecemasan, turut menjadi komponen penting dalam menyokong kesejahteraan fizikal penghuni. Fasiliti yang lengkap dan mesra pengguna bukan sahaja memenuhi keperluan fizikal, malah dapat menyumbang kepada rasa selamat, harga diri, dan keterhubungan sosial warga emas, seterusnya meningkatkan kualiti kehidupan mereka secara keseluruhan. Pengurusan fasiliti yang lestari dan juga kakitangan adalah dicadangkan untuk membantu pengurusan dalam mengurangkan kos operasi dan memberi akses kemudahan yang terbaik kepada warga emas [14].

3.2 Agenda kelestarian

Kelestarian pondok warga emas merujuk kepada keupayaan institusi ini untuk beroperasi secara mampan dari aspek sosial, ekonomi, dan persekitaran bagi menjamin kesejahteraan penghuni dalam jangka panjang. Dari sudut sosial, kelestarian dapat dicapai melalui penyediaan persekitaran mesra warga emas yang menggalakkan interaksi sosial, aktiviti keagamaan, serta sokongan emosi dan komuniti yang erat. Dari aspek ekonomi, pengurusan perlu memastikan model pembiayaan yang stabil dan berdaya saing, sama ada melalui sumbangan, yuran, atau kerjasama strategik, bagi menampung kos operasi dan penyelenggaraan tanpa membebankan penghuni. Sementara itu, kelestarian persekitaran boleh dicapai melalui reka bentuk fasiliti yang mesra alam, penggunaan sumber tenaga secara cekap, dan pengurusan sisa yang baik. Pendekatan holistik ini bukan sahaja meningkatkan kualiti hidup penghuni, malah memastikan pondok warga emas terus relevan dan berfungsi sebagai pusat penjagaan serta kediaman yang berkualiti bagi generasi warga emas akan datang.

Temubual bersama Puan D dan Puan E memberi pandangan bahawa isu bencana alam sedikit sebanyak memberi Kesan kepada para penghuni pondok:

“Kalau cabaran di sini, banjir lah yang banyak kali berlaku. Setakat ini, dah dalam 17 kali juga banjir berlaku. Bagi saya, nak mengemas itu yang memenatkan, tapi ada juga seronoknya sebab orang luar datang dan bantu kami”.

Di samping itu, gangguan haiwan liar seperti monyet dan ular juga menjadi masalah bagi Puan J yang berkongsi: *"Tiada cabaran. Cuma dari segi binatang liar sahaja, contohnya monyet dan ular."*

Masalah ini juga merupakan cabaran bagi penghuni dan pihak pengurusan yang dapat menjejaskan keselamatan dan kesejahteraan mereka.

Majoriti penghuni pondok warga emas bersetuju dan berkongsikan pendapat yang sama bahawa tiada masalah dan cabaran ketika menghuni di institusi tersebut. Ini dapat dibuktikan dengan temubual bersama Puan B yang berkata:

"Tidak ada apa-apa setakat ini. Kalau dengan kawan-kawan ada, tapi bagi saya ini remeh sahaja. Tapi dengan pengurusan pondok ini okay sahaja."

Puan C turut menyatakan, *"Tiada kesukaran yang saya hadapi di sini kecuali ketika saya mula-mula masuk, saya jatuh dan kemudian tulang saya patah. Itu sahaja."*

Puan K juga berpendapat, *"Tiada setakat ini, kalau kita penat boleh maklum pada mereka. Kalau ada sebarang aduan, kami boleh buat aduan di pejabat."*

Pandangan ini disokong Puan A: *"Memang kat sini semuanya baik sahaja. Semuanya tengok hati kita, nak atau tidak. Sebab kalau sakit, boleh sahaja pilih untuk tidak join aktiviti, tiada masalah."*

Puan I pula berpandangan bahawa cabaran yang dihadapi adalah dari segi kemampuan belajar sahaja: *"Cabaran dari diri sendiri sahaja, menghafaz dan mengaji sedikit susah untuk saya sebab sudah berumur."*

Hasil temubual menunjukkan bahawa kelestarian pondok warga emas secara umumnya berada pada tahap baik, dengan kebanyakan penghuni berpuas hati terhadap pengurusan, kemudahan, dan suasana kehidupan di institusi tersebut. Walaupun terdapat cabaran tertentu seperti bencana banjir yang berulang, gangguan haiwan liar, serta kekangan individu seperti kesukaran belajar akibat faktor usia, isu-isu ini tidak menjejaskan keseluruhan pengalaman penghuni secara signifikan. Sokongan komuniti, bantuan pihak luar semasa bencana, serta sistem aduan yang responsif membantu mengekalkan kesejahteraan dan rasa selamat dalam kalangan warga emas. Faktor ini menunjukkan bahawa pondok warga emas memiliki daya tahan yang baik untuk terus beroperasi secara mampan, namun penambahbaikan dari segi pengurusan risiko bencana, kawalan keselamatan, dan sokongan pembelajaran warga emas dapat memperkukuh kelestariannya pada masa hadapan.

3.3 Lokasi yang Strategik

Lokasi strategik merupakan salah satu faktor penentu kesejahteraan dan kualiti hidup warga emas di pondok warga emas [6]. Lokasi yang berhampiran dengan kediaman anak-anak atau saudara mara dapat menggalakkan interaksi keluarga yang lebih kerap, sekali gus menyokong kesejahteraan emosi dan mengurangkan risiko pengasingan sosial. Selain itu, persekitaran yang tenang, selamat, dan bebas daripada pencemaran atau gangguan juga menjadi nilai tambah dalam meningkatkan keselesaan penghuni. Oleh itu, pertimbangan terhadap aspek lokasi strategik dalam pembangunan

pondok warga emas adalah penting bagi memastikan penghuni dapat menikmati kehidupan yang lebih mudah, selamat, dan bermakna selaras dengan konsep persekitaran mesra warga emas.

Dapatan daripada temubual bersama sama penghuni didapati bahawa antara faktor yang mendorong mereka memilih untuk menjadi penghuni pondok warga emas adalah untuk mengisi masa terluang setelah kehilangan ahli keluarga atau disebabkan tinggal berseorangan. Suasana dan kawasan yang mendamaikan dan selesa juga menjadi antara sebab mereka memilih ponok tersebut sebagai destinasi untuk memanfaatkan usia emas mereka. Lokasi yang strategik berdekatan dengan rumah anak-anak juga merupakan faktor penting dalam menarik minat para penghuni untuk tinggal di sini. Hal ini penting untuk mengekalkan ikatan kekeluargaan yang era tantara ibu bapa dan anak-anak. Pondok warga emas ini bukanlah rumah jagaan orang tua yang ditinggalkan atau diabaikan. Mereka adalah warga emas yang masih bermotivasi untuk menuntut ilmu dan positif dalam menjalani penuaan aktif di usia tua. Dalam temubual bersama Puan B, beliau mengatakan,

“Selepas mak saya meninggal, saya tiada apa nak buat di rumah. Jadi saya mencari tempat sebegini. Pertimbangannya ialah sebab suasana, kawasan, pengisiannya. Sebab saya suka keadaan di sini, selesa dan banyak kemudahan. Semuanya terjaga”.

Hal ini disokong dalam sesi temubual bersama Puan C dalam topik yang sama, beliau menyatakan faktor yang mendorongnya mendaftarkan diri di Yayasan Al-jenderami kerana *“Saya tinggal berseorangan, dan tiada apa yang boleh saya buat. Kalau duduk di sini, mudah semuanya untuk saya. Rumah anak-anak pun dekat sahaja”*.

Selain itu, faktor kemudahan dan akses yang mudah ke tempat pengajian juga menjadi sebab mengapa mereka memilih untuk menghuni di pondok warga emas ini.

Puan A berkata, *“Saya kalau di rumah, saya seorang sahaja, tiada siapa yang boleh hantar saya ke kuliah pengajian. Jadi di sini, mudah untuk saya”*.

Hal ini disokong oleh Puan I yang juga merupakan penghuni Madrasah Ibnu Mas’ud beliau mengatakan *“Di tempat ini cantik, rakan saya yang perkenalkan kepada saya. Saya juga tidak memerlukan pengangkutan untuk ke surau atau untuk kuliah, jadi mudah untuk saya”*.

Daripada hasil dapatan ini, dapatlah disimpulkan bahawa lokasi yang strategik juga memainkan peranan penting dalam pemilihan pondok warga emas yang ingin didiami. Pondok yang terletak berhampiran dengan rumah anak-anak menjadi nilai tambah kepada pemilihan pondok di kalangan warga emas. Hal ini penting dalam memastikan penuaan menyokong sentiasa diamalkan melaui keterikatan kekeluargaan yang kuat dan utuh. Lokasi yang cantik, tenang dan mendamaikan juga dapat menarik minat warga emas untuk hidup dan beraktiviti dalam suasana yang kondusif di hari tua mereka.

3.4 Kebolehmampuan

Kebolehmampuan merupakan salah satu daripada ciri-ciri komuniti yang lestari. Perkhidmatan ini perlu bersifat inklusif dalam memberi peluang kepada segenap lapisan golongan warga emas dapat merasai kehidupan yang lebih berkualiti. Sekiranya kos ini terlalu tinggi berbanding kemampuan kewangan warga emas, ia boleh menghalang mereka daripada menikmati kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan secara optimum. Oleh itu, model pembiayaan yang berpatutan

dan inklusif amat diperlukan bagi memastikan pondok warga emas dapat diakses oleh pelbagai lapisan masyarakat, terutamanya golongan berpendapatan rendah atau yang tidak mempunyai sumber pendapatan tetap. Pendekatan ini bukan sahaja dapat meningkatkan kesejahteraan warga emas, malah menyumbang kepada kelestarian institusi melalui sokongan komuniti dan keterangkuman sosial.

Penghuni di pondok warga emas ini perlu membayar yuran bulanan untuk tujuan penyewaan unit kediaman, utiliti dan kos pengajian di sana. Secara amnya, pondok ini menawarkan harga yang berpatutan bagi mendaftar di institusi tersebut dengan pelbagai kemudahan dan prasarana yang baik. Harga yuran juga berlainan bergantung kepada jenis, saiz dan sama ada unit itu adalah unit wakaf atau tidak. Harga tambahan akan dikenakan untuk kemudahan parkir kereta, alatan elektrik tambahan dan sebagainya.

Misalnya, berdasarkan hasil temubual bersama beberapa penghuni Pondok warga emas di Yayasan Al-jenderami, salah seorang penghuni, Puan B berkongsi, *"Saya bayar RM250 sebulan untuk elektrik dan fasiliti. Makanan di sini sendiri, tapi murah."*

Manakala, Puan C berpendapat, *"Unit ini saya beli dengan harga RM90,000. Jadi, saya bayar RM250 sebulan. kemudian ada tambah lagi RM20 untuk coway."*

Selain itu, Puan K *"Saya dapat rumah wakaf. saya bayar RM450 sebulan, sebab ada kereta jadi saya bayar lagi RM30 sebulan. Jumlahnya adalah RM480 di sini."*

Puan A pula menyatakan, *"Di sini, saya bayar RM350 sebulan, sebab ada banyak guna barang elektrik, tv, coway, microwave semua ada."*

Selanjutnya, dalam sesi wawancara yang juga dijalankan di Madrasah Ibnu Mas'ud, Nilai mengenai bayaran yang dikenakan untuk menyertai Madrasah tersebut, Pasangan H berkongsi pendapat, *"Duduk berdua dalam satu unit, RM800 sebulan tidak termasuk makan dan minum. Bayaran tersebut termasuk sekali dengan pengajian dan sewa."*

Puan I pula berkongsi pendapat beliau mengenai soal bayaran, *"Bayaran bulanan RM250, sebab unit ini wakaf. Tapi kalau menyewa, kena bayar RM650 setiap bulan."*

Manakala Puan J pula menyatakan bahawa, *"Bayaran RM650 sebulan, termasuk api air dan pengajian, kakitangan dan lain-lain."*

Seterusnya, wawancara mengenai topik yang sama dijalankan di Pusat Pengajian Darul Widad bersama penghuni di Pondok warga emas tersebut, antaranya Puan F dan Puan G berkongsi, *"Bayaran bulanan RM 300. Cuma untuk pendaftaran, RM800 dan RM500."*

Selain itu, Puan D dan Puan E menyatakan dalam temubual berkata *"Bayaran ialah RM300, termasuk makanan."*

Berdasarkan hasil temubual yang dinyatakan di atas, bayaran yang dikenakan kepada penghuni di Pondok warga emas di Malaysia adalah berpatutan iaitu sekitar RM250 sehingga RM 800 bergantung kepada jenis unit, bilangan penghuni dan kemudahan tambahan. Malahan, sebahagian penghuni juga berpendapat bahawa bayaran tersebut dikategorikan sebagai murah dengan fasiliti

dan aktiviti yang sempurna dan lengkap di Pondok pengajian tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa, pondok warga emas di Malaysia adalah sesuai untuk pelbagai golongan Masyarakat termasuklah golongan B40 dan M40.

Jika dilihat kepada komuniti persaraan yang dijalankan secara komersial, kos bulanan adalah tinggi sehingga mencecah ribuan ringgit terutamanya yang mengambil konsep rumah persaraan berasaskan resort. Sukha Golden umpamanya mengenakan bayaran RM 3500 yang merangkumi makan minum, dobi dan akses ke rumah kelab. Selain itu, Millenia Village mengenakan bayaran sebanyak RM 6000 sebulan untuk dua orang yang merangkumi harga untuk makan tengahari dan makan malam.

3.5 Aktiviti Sosial untuk Penuaan Aktif

Kesejahteraan rohani, sosial dan fizikal warga emas Muslim dapat dipertingkatkan dengan menekankan amalan keagamaan, aktiviti sosial, penjagaan kesihatan serta penyertaan dalam aktiviti kekeluargaan [1]. Melalui penglibatan dalam aktiviti sosial, warga emas dapat mengekalkan jaringan hubungan, mengurangkan risiko pengasingan diri, serta memperkukuh kesejahteraan mental dan emosi. Di pondok warga emas, aktiviti seperti kelas pengajian agama, gotong-royong, sukan ringan, program rekreasi, dan lawatan komuniti bukan sahaja memberi peluang kepada penghuni untuk berinteraksi, malah membantu mengekalkan tahap kesihatan fizikal dan mental yang baik. Selain itu, aktiviti sosial berperanan sebagai medium untuk memperkasa warga emas dengan kemahiran baharu, memupuk rasa dihargai, dan meningkatkan rasa kepunyaan terhadap komuniti. Oleh itu, penyediaan dan pelaksanaan aktiviti sosial yang terancang, berterusan, dan mesra usia adalah asas penting dalam memastikan penuaan aktif yang sejahtera dan bermakna bagi warga emas di pondok.

Pondok warga emas yang dipilih dalam kajian ini banyak menawarkan program serta aktiviti yang menarik dan bersesuaian dengan golongan warga emas. Pengisian rohani seperti solat jemaah, kelas Al-Quran, kuliah agama, bacaan zikir, bacaan surah pilihan adalah antara intipati utama dalam jadual seharian para penghuni di sini. Aktiviti ini adalah bertepatan dengan konsep pengajian sepanjang hayat yang ditekankan dalam Dasar Warga Emas Negara dalam melahirkan warga emas yang aktif dan positif.

Di Yayasan Al-Jenderami, jadual pengajian telah ditetapkan mengikut hari seperti hari Isnin untuk Hadis, Rabu untuk Tasawuf dan Sabtu untuk Usuluddin. Manakala untuk pengajian Al-Quran pula, di Pusat Pengajian Darul Widad, para penghuni dibahagikan mengikut tahap kemahiran mereka iaitu tahap Iqra' (permulaan), sederhana dan kelas talaqqi dan tadabbur. Pembahagian kelas ini harus dipuji bagi memastikan para penghuni dapat mengikuti proses pengajian mengikut tahap pengetahuan masing-masing dalam memastikan hasil pembelajaran yang efektif. Para penghuni juga menyatakan aktiviti yang paling disukai mereka adalah pengajian Al-Quran. Temubual bersama Puan B dari Pondok Al Jenderami menyatakan, "Bagi saya, pengajian Quran adalah aktiviti yang paling saya suka. Ada ustaz yang akan tengokkan kita mengaji, dan akan betulkan yang mana salah. Lagipun bila buat secara berjemaah, jadi seronok."

Selain itu, pendekatan pembelajaran yang mesra warga emas melalui kaedah penerangan bersama contoh untuk menambahkan kefahaman adalah sesuai untuk proses pembelajaran warga emas.

Puan C menyatakan bahawa, "*Di sini bagus cara penerangannya, mereka akan berikan contoh sekali supaya kami faham. Jadi cara ini bagi saya lebih dekat di hati.*"

Dalam masa yang sama, Puan K memuji pendekatan proses pembelajaran yang sistematik menggunakan kitab-kitab sebagai rujukan:

"Di sini bagus sebab kita ada rujuk buku, kitab. Ada pak syeikh yang ajar kita, beliau akan ajar kita bukan hanya subjek agama, tapi dari segi pengetahuan lain juga. Pak syeikh akan bantu kita fahamkan dengan bagi contoh yang ada sekarang. Jadi dia lagi berkesan dan masuk dalam otak."

Puan A juga ada berkongsi pendapat beliau yang berbunyi, *"Sebenarnya, di luar pun ada aktiviti yang kita jalankan di sini, cuma yang seronoknya di sini ialah kita buat secara berkumpulan. Kita akan baca Quran secara berkumpulan dan akan ada ketua yang akan pantau bacaan."*

Dalam konteks yang sama, penghuni Madrasah Ibnu Masud juga memberikan ulasan positif mengenai aktiviti yang disediakan. Pasangan H mengatakan, *"Semuanya bagus. Terutamanya pada bulan Ramadhan, dapat beribadah banyak."* Puan I juga bersetuju dan menyatakan bahawa: *"Di sini sempurna semuanya, aqidah, tasawuf dan subjek lain. Kitab-kitab pun disediakan, kami memang diminta untuk beli. Program di sini semua bagus. Santai dan berkesan."*

Pendekatan yang tidak terlalu berat dan santai juga merupakan elemen proses pembelajaran tidak terlalu menekan dan sesuai dengan kemampuan warga emas. Puan J menyatakan bahawa:

"Pengajiannya sesuai, tak berat dan tak ringan sangat. Sesuai dengan keadaan dan keupayaan, tak terkejar-kejar dan ada masa rehat."

Aktiviti-aktiviti yang diadakan di pondok warga emas ini dapat memenuhi keperluan warga emas untuk kekal aktif dan positif di samping mengisi keperluan rohani mereka. Warga emas dapat menikmati faedah yang besar terutamanya dari aspek pengukuhan kognitif dan intelektual dengan mengamalkan sunnah Nabawiyyah seperti, pegajian al-Quran, berdoa, qailullah dan juga mengajarkan kembali ilmu yang didapati kepada rakan sebaya atau anak dan cucu [12]. Melihat kepada kajian trend kesejahteraan warga emas yang dilakukan antara tahun 2015-2020 di Malaysia dan Indonesia, pegajian dan amalan agama dan kerohanian menunjukkan trend yang dapat meningkatkan kesejahteraan warga emas [8]. Melalui pelbagai kelas pengajian yang dijalankan mereka dapat mengisi masa terluang dengan perlbagai perkara yang bermanfaat. Selain itu, melalui aktiviti-aktiviti ini mereka dapat mengatasi rasa kesunyian dan keseorangan apabila dapat bergaul mesra dalam kelas pengajian bersama-sama tema-teman seusia [20]. Mereka bukan sahaja dapat bergaul mesra bersama rakan-rakan penghuni pondok terbabit, malah dapat menambah kenalan di kalangan orang awam yang tidak menghuni pondok tersebut yang turut menghadiri kelas-kelas pengajian di sana. Hal ini dinyatakan oleh Puan A yang juga penghuni Yayasan Al-Jenderami bahawa beliau seronok melakukan aktiviti secara berkumpulan:

"Sebenarnya, di luar pun ada aktiviti yang kita jalankan di sini, Cuma yang seronoknya di sini ialah kita buat secara berkumpulan. Kita akan baca Quran secara berkumpulan dan akan ada ketua yang akan pantau bacaan. Di bulan Ramadhan juga akan ada khatam Quran. Ada banyak majlis ilmu, dianjurkan oleh tuan guru kita. Semua aktiviti di sini tidak terhad pada penghuni sahaja, tetapi orang luar juga dibenarkan untuk masuk. Kita ada juga sambutan hari jadi di sini, akan diadakan 4 kali setahun, jadinya gabung-gabung untuk bulan-bulan yang dekat".

Walau bagaimanapun, adalah dicadangkan untuk aktiviti-aktiviti yang diadakan tidak hanya tertumpu kepada kelas Al-Quran dan pengajian kitab malah merangkumi aktiviti sosial lain seperti senaman ringan, gotong-royong, program rekreasi, berkebun dan lawatan komuniti. Inisiatif untuk

mengadakan sambutan hari lahir yang diamalkan di beberapa pondok adalah dipuji agar warga emas lebih rasa dihargai dan disayangi. Hal ini untuk memastikan matlamat utama dalam komuniti persaraan yang Lestari tercapai ialah kualiti hidup para penghuninya [3].

4. Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa pondok warga emas di Malaysia telah memenuhi sebahagian daripada ciri-ciri komuniti persaraan lestari, khususnya dalam penyediaan keperluan asas seperti penginapan, makanan, dan akses kepada perkhidmatan kesihatan asas. Namun, masih wujud ruang yang luas untuk penambahbaikan agar pondok ini benar-benar dapat berfungsi seperti komuniti persaraan yang menyeluruh dan berdaya tahan. Dari sudut pengurusan, hasil kajian mengisyaratkan keperluan untuk memperkukuh kemudahan mesra warga emas, melaksanakan penyelenggaraan berjadual, dan menambah ciri keselamatan seperti butang kecemasan, pegangan tangan, dan laluan tanpa halangan. Pada masa yang sama, pengurusan perlu mengintegrasikan prinsip kelestarian alam sekitar dalam operasi harian termasuk pengurusan sumber secara cekap, reka bentuk bangunan mesra tenaga, serta pelan mitigasi bencana yang mantap bagi menangani risiko seperti banjir dan gangguan haiwan liar. Kemampuan dari segi ekonomi juga perlulah ditekankan dalam pengurusan PWE. Walau bagaimanapun, kualiti perkhidmatan yang baik perlu diutamakan. Oleh yang demikian, yuran yang berpatutan yang mampu dibayar oleh warga emas dan dalam masa yang sama mampu menampung yuran operasi dan pengurusan PWE perlu disusun dengan lebih kemas.

Bagi penghuni, dapatan ini menekankan kepentingan penglibatan aktif dalam aktiviti sosial yang tersusun bagi menyokong penuaan aktif. Aktiviti ini bukan sahaja menggalakkan kesihatan fizikal dan mental, malah memupuk rasa kekitaan serta saling sokong-menyokong antara ahli komuniti. Bagi warga emas yang belum menghuni pondok, penemuan ini memberikan gambaran tentang manfaat tinggal dalam komuniti persaraan lestari, termasuk peluang bersosial, sokongan komuniti, kemudahan kesihatan yang mudah dicapai, dan suasana yang lebih teratur berbanding kehidupan bersendirian.

Dari sudut yang lebih luas, dapatan kajian ini membawa implikasi kepada pembangunan sektor penjagaan warga emas negara. Pondok warga emas yang mengadaptasi ciri-ciri komuniti persaraan lestari bukan sahaja dapat meningkatkan kualiti hidup penghuninya, tetapi juga menyumbang kepada kelestarian sosial, ekonomi, dan alam sekitar negara.

Penghargaan

Para penulis merakamkan penghargaan kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) atas pembiayaan kajian ini melalui Skim Geran Penyelidikan Khas USIM bertajuk "Muslim Retirement Village in Malaysia: Developing a Sustainable Regulatory Framework", kod: PPPI/KHAS ISI-FSU/USIM/17522.

Rujukan

- [1] Abd Aziz, Nurul Nadia, Fazreena Mansor, Mohd Rozaimy Ridzuan, and Shafinar Ismail. "Towards Culturally Inclusive Elderly Care: Developing a framework for Muslim retirement villages." *Environment-Behaviour Proceedings Journal* 10, no. SI33 (2025): 171-177. <https://doi.org/10.21834/e-bpj.v10iSI33.7069>
- [2] Ab Rahim, Aisyah, and Mohd Roslan Mohd Nor. "Institusi Pengajian Pondok di Selangor: Kajian terhadap Sejarah dan Perkembangan: Institusi Pengajian Pondok di Selangor: Kajian terhadap Sejarah dan Perkembangan." *Online Journal of Research in Islamic Studies* 7, no. 2 (2020): 1-12. <https://doi.org/10.22452/ris.vol7no2.1>
- [3] Amirul, Sharifah Rahama, Asmah Alia Mohamad Bohari, Farah Ajlaa Julaihi, and Mohd Azrai. "Advancing the Notion of Maslow Hierarchical Needs Theory into Retirement Village Sustainability Needs." *Malaysian Construction Research Journal* 17, no. 3 (2022): 70-80.

- [4] Bakar, Sahlawati Abu, Safinah Ismail, and Zabidi Abd Razak. "Program Pendidikan Warga Emas Di Institusi Pondok al-Jenderami Negeri Selangor." (2017).
- [5] Ejau, Ruth Lua, Farah Ajlaa Julaihi, Syamimi Liyana Amat Rais, and Asmah Alia Mohamad Bohari. "Exploring the sustainable retirement village concept in the Malaysian context: An initial review." *International Journal of Service Management and Sustainability (IJSMS)* 6, no. 1 (2021): 21-34. <https://doi.org/10.24191/ijsms.v6i1.12876>
- [6] Ismail, Hafiszah, Muhamad Saiful Alizan Nordin, Faridah Muhamad Halil, and Nur Hidayah Abdul Khalid. "The elderly quality of life (E-QoL) and retirement village preferred features by Malaysian Generations." *Planning Malaysia* 21 (2023). <https://doi.org/10.21837/pm.v21i26.1271>
- [7] Maziahtusima Ishak, Siti Rugayah Hj Tibek, Zulkiple Abd.Ghani, Mohd Muzhafar Idrus, Hazlina Abdullah, Amir Husin Mohd Nor, Noor Saazai Mat Saad, Ramiaida Darmi, Adibah Sulaiman, Mohamed, Setiyawan Gunardi, Noornajihan Jaafar, Noor Azizi Ismail, and Hayati Ismail. 2024. "ISU DAN CABARAN PENDIDIKAN PONDOK DARI LENSES PEGAWAI JABATAN DAN MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI DI MALAYSIA". *INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION, PSYCHOLOGY AND COUNSELLING (IJEPC)* 4 (31). <https://gaexcellence.com/ijepe/article/view/3078>
- [8] Mustaffa, Nurul Hidayawatie, Noor Shakirah Mat Akhir, and Roshimah Shamsudin. "Sorotan kajian lepas: trend kesejahteraan warga emas di Malaysia dan Indonesia antara tahun 2015-2020= Literary review: trends in the well-being of the elderly in Malaysia and Indonesia between 2015-2020." *Journal of Contemporary Islamic Studies* 10, no. 1 (2024): 1-13. [10.24191/jcis.v10i1.3](https://doi.org/10.24191/jcis.v10i1.3)
- [9] Nadarajan, Jeeveintheren, Muhammad Haziq Borhan, Muhamad Sharil Idrus, Muhammad Fariedz Daniel Abdullah, M. N. A. Hamid, Mohd Roslan Rosnon, Muhammad Afiq Abdul Razak, Puvaneswaran Kunasekaran, and Rahimah Ibrahim. "The detrimental impact of low birth rates on Malaysia's accelerated transition to an aged society." *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. <https://api.semanticscholar.org/CorpusID/273484623> (2024). <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v14-i10/23265>
- [10] Noornajihan Jaafar, Rezki Perdani Sawai, Shah Rizul Izyan, and Celal Akar. 2021. "Kesunyian Dalam Kalangan Warga Emas: Praktik Semasa Dan Solusi Dari Risalah An-Nur". *AL-HIKMAH: INTERNATIONAL JOURNAL OF ISLAMIC STUDIES AND HUMAN SCIENCES* 4 (3):36-54. <https://doi.org/10.46722/hikmah.v4i3.146>
- [11] Romli, Nurulashikin. "Population Ageing in Malaysia: Economic and Policy Challenges from a Systematic Review (2010-2024)." *International Journal of Research and Innovation in Social Science* 9, no. 5 (2025): 4340-4346. <https://doi.org/10.47772/IJRISS.2025.905000332>
- [12] Saidin, Maisarah, and Latifah Abdul Majid. 2025. "Elderly Intellectual Empowerment Through Prophetic Sunnah Practices: Pemerkasaan Intelktual Warga Emas Menerusi Amalan Sunnah Nabawiyyah". *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies* 34 (3):1-17. <https://www.al-qanatir.com/ag/article/view/1087>
- [13] Salleh, Nor Azila, Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid, and Nik Norliati Fitri Md Nor. "Kesejahteraan hidup warga emas: persepsi warga emas terhadap penubuhan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di Marang, Terengganu." *e-BANGI* 19, no. 4 (2022): 210-228. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2022.1904.13>
- [14] Salleh, N. A., Y. Abdul Talib, K. Ismail, and K. Alauddin. "Challenges in maintaining facilities in elderly Pondok Village environment." In *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science*, vol. 881, no. 1, p. 012039. IOP Publishing, 2021. 10.1088/1755-1315/881/1/012039
- [15] Sharudin, S. N., Noormen, N. W., & Syed Hassan, S. N. (2023). Pembelajaran Al-Quran dalam Kalangan Warga Emas di Madrasah Orang Pencen: Wujudkah Cabaran. *Konvensyen Kearifan Nusantara (ARIF)*, 656–665.
- [16] Unit Perancang Ekonomi Malaysia. (2025). *Buku utama Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026–2030*. Jabatan Perdana Menteri. https://www.epu.gov.my/sites/default/files/2025-07/Buku_Utama_RMK13.pdf
- [17] Sufian, A., and N. A. Mohamad. "Pondok System as a Model for Retirement Village in Malaysia: A Legal Perspective." *ALAM CIPTA, International Journal of Sustainable Tropical Design Research and Practice* 6, no. 2 (2013): 23–37. <http://irep.iium.edu.my/34135/>
- [18] Yusoff, Ahmad Faizal, Nik Norliati Fitri Md Nor, Norizan Musa, and Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid. "INSTITUSI PONDOK SEBAGAI PILIHAN TEMPAT TINGGAL WARGA EMAS WANITA KE ARAH KESEJAHTERAAN HIDUP: KAJIAN KES DI TERENGGANU." *e-BANGI Journal* 19, no. 5 (2022). <https://doi.org/10.17576/ebangi.2022.1905.13>
- [19] Zakaria, Zaherawati, Roziya Abu, Nurul Syfa' Mohd Tokiran, Kardina Kamaruddin, and Fauziah Mohamed Yunus. "GOLDEN YEARS: REVEALING THE CHALLENGES BY THE ELDERLY IN MALAYSIA." *Environmental & Social Management Journal/Revista de Gestão Social e Ambiental* 19, no. 3 (2025). <https://doi.org/10.24857/rgsa.v19n3-057>
- [20] Zakaria, Zainursyamimi, and Zuliza Mohd Kusrin. "Kepentingan Amalan Beragama Bagi Warga Emas dan Perlaksanaannya di Pusat Jagaan Terpilih di Malaysia." *Journal of Contemporary Islamic Law* 8, no. 2 (2023): 1-9. <https://doi.org/10.26475/jcil.2023.8.2.01>

- [21] Zulkipli, Shazreen Nadia, Ramalingam Rajamanickan, and Muhamad Helmi Md Said. "Elderly as a Vulnerable Group: A Legal Review in Malaysia." *Akademika* 95, no. 1 (2025): 373-390.
<https://doi.org/10.17576/akad-2025-9501-21>